

**PKP: Kesan 'lockdown' kedua kepada negara yang pernah laksanakan
Astro Awani
09 Januari 2021
Umavathi Ramayah**

KUALA LUMPUR: Melihat pada peningkatan angka COVID-19 dengan jangkaan lebih 8,000 kes pada pertengahan Mei, sekiranya kadar jangkitan (R naught) kekal pada 1.2, maka adalah tidak mustahil lockdown atau Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan dilaksanakan sekali lagi di Malaysia.

Jika terus dibiarkan, ia bukan sahaja melumpuhkan insitisi kesihatan negara malah akan meletakkan setiap rakyat Malaysia dalam risiko.

Namun kali ini, pelaksanaan PKP sekiranya dilaksanakan semula berkemungkinan menggunakan pendekatan sedikit 'lembut' berbanding kali pertama memandangkan pada ketika itu negara masih belum mempunyai aplikasi-aplikasi serta kaedah spesifik yang boleh membantu mengesan penyebaran virus itu.

Bagaimanapun begitu, pelaksanaan lockdown kedua bukan sesuatu yang mengejutkan sebaliknya pernah dilaksanakan di beberapa negara ketika berdepan dengan gelombang kedua peningkatan kes COVID-19 dan terbukti berkesan.

England 29 Oktober - 2 Disember 2020

- England melaksanakan lockdown kedua ketika R -Naught COVID-19 berada pada bacaan antara 1.2 dan 1.4.
- Pada minggu pertama pelaksanaan perintah kawalan itu, R -Naught mencatatkan penurunan antara 1.1 dan 1.3.

- Selepas tamat tempoh berkenaan, bilangan kes menyaksikan penurunan kira-kira 30 peratus.

Jerman 2 November - 30 November 2020

- Setakat ini, Jerman merekodkan kematian 38,795 orang dengan 1.5 juta individu sembuh daripada COVID-19.
- Pada November, nilai R-Naught di Jerman berada pada bacaan 1 dengan aliran yang tidak stabil. Bermakna secara puratanya, kadar keterjangkitan adalah satu nisbah satu individu. Pada ketika ini R-Naught berada pada 0.92.

Greece 7 November - 30 November 2020

- Ketika lockdown diumumkan lebih 47,000 individu disahkan positif.
- Kapasiti di unit rawatan rapi (ICU) sebelum pelaksanaan perintah kawalan itu mencapai hampir 70 peratus.

Sepanyol 26 Oktober - 9 November 2020

- Perdana Menteri Sepanyol, Pedro Sanchez menyifatkan lockdown kedua yang dilaksanakan di negara itu terbukti keberkesananannya ketika angka jangkitan semakin meningkat.
- Negara itu berjaya mengurangkan bilangan kes harian daripada 530 kepada 400 kes dalam tempoh 15 hari.

© 2021 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-kesan-lockdown-kedua-kepada-negara-yang-pernah-laksanakannya-276900>